KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	18/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	PERHILITAN			

lokal

Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my

Chukai



MOHD Safwan menunjukkan kesan tapak kaki harimau di Kampung Chabang Kerteh, Chukai, semalam.

Misteri lembu hilang terjawab

Seekor daripada 25 ternakan mati dibaham harimau

"Sejak empat tahun menternak lembu di sini, ini kejadian kali pertama berlaku," kata Ramli Mohamad selepas seekor daripada 25 lembu peliharaannya ditemui mati dibaham harimau.

Ramli, 65, dari Kampung Chabang Kerteh berkata, dia menyedari lembunya itu hilang ketika hendak memberi makan ternakannya itu pada kira-kira jam 3 petang, Jumaat lalu.

"Saya dan menantu (Mohd Safwan Mat Pilus, 35) kemudian mencari sekitar kawasan kebun sebelum menemui bangkai lembu berusia tiga tahun itu di dalam kawasan berparit tidak jauh dari kandang.

"Badan dan kepala lembu saya itu terpisah dan ketika membuat pemeriksaan saya dapati ada kesan gigitan di bahagian leher lembu.

"Kami turut menemui tapak kaki harimau di sekitar kawasan itu dan kami sahkan memang lembu kami mati akibat diserang harimau," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, dia sangat pelik sepanjang empat tahun menternak lembu di situ, itu kejadian pertama berlaku kepadanya.

"Sebelum ini saya tak pernah dengar ada lembu peliharaan penduduk lain menjadi mangsa dan ini membimbangkan kami semua," katanya.

Mohd Safwan berkata, selepas kejadian itu, dia kini bimbang untuk ke kandang memberi makan ternakan lembu bapa mentuanya itu.

"Saya biasa bersendirian masuk memberi makan ternakan ayah dan bila kejadian itu berlaku, saya sudah mula takut ke pergi bersendirian.

"Saya pun pelik, harimau ini boleh masuk ke sini sedangkan kawasan hutan tebal terletak jauh dari kawasan kandang ini," katanya.

Katanya, perkara itu sudah dimaklumkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan) untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Terengganu Loo Kean Seong ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung dengan kejadian itu.

Menurutnya, pihaknya melakukan siasatan dan pemantauan di situ sambil berharap kepada penternak berwaspada bagi mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

"Kita berharap orang ramai menjauhi kawasan itu serta tidak mengganggu sekiranya terserempak dengan harimau sebaliknya segera menghubungi kami," katanya.

"Badan dan kepala lembu saya itu terpisah dan ketika membuat pemeriksaan saya dapati ada kesan gigitan di bahagian leher lembu"

Ramli Mohamad